

07 JAN 1997

Mahathir-Pulai Chondong

RAKYAT KELANTAN MAHU PAS, KATA PM

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Kemenangan PAS di Pulai Chondong menunjukkan rakyat Kelantan mahukan PAS tanpa mempedulikan soal pembangunan atau pentadbiran yang baik, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya tidak mahu mencari sebab kerana alasan tidak penting. Sebenarnya, orang Kelantan sukakan PAS, kita tak boleh buat apa-apa.

"Kalau orang Kelantan mahu memencilkan atau mengasingkan diri atau merajuk, apa kita nak buat," katanya kepada pemberita selepas melawat projek Mines Resort City di Sungai Besi dekat sini.

Perdana Menteri diminta mengulas kekalahan calon Barisan Nasional Yusoff Hamzah kepada wakil PAS Zulkefli Mamat dengan majoriti 118 undi dalam satu pilihan raya kecil semalam.

Dr Mahathir berkata walaupun PAS menang dengan majoriti kecil, hakikatnya parti itu menang dan ia menunjukkan bahawa rakyat Kelantan tidak peduli soal pembangunan atau pentadbiran.

"Tiada alasan bagi BN berhubung kekalahan ini kerana kalau Umno mengakui yang ia kuat di Kelantan, sudah pasti BN boleh menang," kata Dr Mahathir yang juga pengerusi BN.

Ditanya sama ada kekalahan itu disebabkan orang Kelantan tidak setuju anggota S46 menyertai Umno, Dr Mahathir berkata: "Mungkin, tetapi ini di Kelantan saja, di tempat lain orang suka."

Mengenai kemungkinan kekalahan itu disebabkan oleh bapa kepada calon BN orang PAS, Perdana Menteri berkata: "Kita mempunyai banyak calon yang anak kepada orang PAS tetapi menang di tempat lain."

Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu apakah kesilapan BN yang menyebabkan ia kalah sedangkan semua jentera pilihan raya parti termasuk bilik gerakan berjalan dengan baik.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pula menafikan bahawa kegagalan BN itu disebabkan kurang sokongan pemimpin tertinggi BN dan UMNO atau kurang sokongan parti komponen BN kerana kawasan kerusi dewan undangan negeri itu adalah kawasan Melayu.

"Semalam saya tengok ramai wakil negeri dan ada menteri lain datang tetapi kebetulan masa itu banyak (pemimpin Umno) yang terlibat dengan cuti... masa cuti tak datang," katanya ketika ditemui selepas merasmikan perhimpunan tahunan Dewan Bahasa dan Pustaka di sini.

"Prestasi BN semakin menarik dan majoriti yang diperolehi pembangkang adalah kecil," katanya.

Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik pula berkata majoriti tipis yang diperolehi oleh PAS membuktikan bahawa pengundi kini mula memberi sokongan kepada BN.

"Apa yang penting sekarang ialah Umno perlu memperbaiki lagi jenteranya di Kelantan kerana ada tanda-tanda arus kini mula menyebelahnya," kata beliau.

Ditanya kemungkinan kekalahan itu disebabkan bekas anggota S46 tidak menyokong Umno kerana permohonan untuk menyertai Umno tidak diterima, Sabbaruddin berkata: "Kita tidak patut mencari kesalahan orang lain apabila kita salah tetapi apa yang penting kita mesti buat kajian mengapa kita boleh kalah."

Beliau berkata semua anggota S46 akan diterima menyertai Umno setelah semua urusan permohonan diluluskan.

Sabbaruddin juga berkata pilihan raya kecil itu juga bukanlah satu

medan ujian bagi mengetahui pengaruh Umno di Kelantan tetapi ia satu pilihan raya yang terpaksa diadakan untuk mengisi kekosongan disebabkan kematian bekas anggota Dewan Undangan Negeri bagi kawasan itu.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed mengucapkan terima kasih kepada penyokong BN di Pulau Chondong kerana membolehkannya memperolehi bilangan undi yang bertambah.

"Kita telah bekerja bersungguh-sungguh, dengan keras sekali...jentera kita berjalan dengan baik dengan sokongan daripada pelbagai pihak, baik dari UMNO, bekas semangat 46, dan termasuk dari luar Pulau Chondong," kata Mustapa kepada pemberita selepas menghadiri satu perjumpaan dengan peserta program pemasaran bersepadu perabot Guthrie dan sektor korporat di sini.

"Rakyat buat keputusan, kita ucap tahniah kepada calon yang menang kerana negara kita negara demokrasi dan demokrasi kita berjalan dengan baik," katanya

-- BERNAMA

MK MAI